



## NOTIS

02/2020

### POTONGAN CUKAI KE ATAS CUKAI PENDAPATAN KORPORAT

Sukacita merujuk kepada kenyataan media yang dikeluarkan pada 21hb Mac 2020 mengenai Langkah-Langkah Interim Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam membantu Sektor Swasta yang berkeenaan terkesan dari COVID-19.

Sehubungan dengan itu, pihak Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada pembayar-pembayar cukai bahawa kebenaran telahpun diperolehi untuk potongan cukai sebanyak 50% diberikan ke atas cukai pendapatan korporat (*Tax Payable*) bagi Tahun Kewangan 2020 (Tahun Taksiran 2021) kepada sektor-sektor berikut:

- Pelancongan;
- *Hospitality* (termasuk hotel dan *lodging house* yang berdaftar);
- Restoran dan kafe; dan
- Pengangkutan Penumpang Udara dan Air (Ayer).

Dalam hubungan ini, untuk mendapatkan kemudahan ini, pembayar-pembayar cukai adalah dikehendaki membuat pemfailan penyata cukai pendapatan bagi tahun taksiran tersebut pada 30hb Jun 2021 melalui laman sesawang [www.stars.gov.bn](http://www.stars.gov.bn).

Terima Kasih.



Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 30hb Mac 2020